



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***LEKSEM PENERANG DALAM NAMA HAIWAN
MENGIKUT DOMAIN LEKSIKAL***

MUHAMMAD NASRI BIN RIFIN

FBMK 2017 14



**LEKSEM PENERANG DALAM NAMA HAIWAN
MENGIKUT DOMAIN LEKSIKAL**

Oleh

MUHAMMAD NASRI BIN RIFIN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

April 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia ini adalah sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

LEKSEM PENERANG DALAM NAMA HAIWAN MENGIKUT DOMAIN LEKSIKAL

Oleh

MUHAMMAD NASRI BIN RIFIN

April 2017

Pengerusi : Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Makna asal yang terkandung dalam sesuatu nama biasa haiwan menjadi semakin kabur dan sukar untuk difahami. Usaha menentukan penggunaan yang lazim bagi perkataan atau leksem dalam nama biasa haiwan juga sangat sukar. Pada masa yang sama, nama biasa haiwan tidak mempunyai set aturan atau rumus standard. Hal ini menyebabkan usaha penyeragaman nama biasa haiwan sangat sukar untuk dilakukan. Oleh itu, berdasarkan permasalahan ini, satu kajian telah dirancang dengan matlamat khusus untuk mengelaskan leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus; menganalisis kekerapan leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus; dan merumuskan susunan leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus. Dalam usaha mencapai ketiga-tiga objektif tersebut, sebanyak 4960 leksem penerang mudah yang terdapat pada acuan nama biasa haiwan bahasa Melayu telah dikumpulkan dalam Pangkalan Data Leksem Penerang Mudah (LPM). Dengan bersandarkan pada model *Functional-Lexematic*, pendekatan korpus asas dan pendekatan *corpus-based* serta aplikasi kaedah pengekodan, leksem penerang mudah dalam Pangkalan Data LPM ini telah dikelaskan mengikut domain leksikal. Hasil dapatan daripada pengelasan menunjukkan bahawa leksem penerang mudah dalam acuan nama biasa haiwan bahasa Melayu ini dapat dikelaskan dan dikategorikan mengikut 105 domain leksikal. Kemudian, dengan bersandarkan pada pendekatan korpus asas, penggunaan perisian *WordSmith 5.0* secara interaktif dan aplikasi kaedah statistik deskriptif, kekerapan leksem penerang mudah dalam acuan nama biasa haiwan ini telah dianalisis mengikut domain leksikal. Hasil dapatan daripada analisis menunjukkan bahawa dalam acuan nama biasa haiwan, kekerapan taburan leksem penerang mudah bagi keseluruhan domain leksikal adalah sebanyak 4960 taburan; kekerapan variasi leksem penerang mudah bagi keseluruhan domain leksikal pula adalah sebanyak 1125 variasi; dan semua nilai kekerapan leksem penerang mudah dalam semua domain leksikal menunjukkan nilai positif. Akhir sekali, dengan bersandarkan pada pendekatan korpus asas, pendekatan *corpus-driven* dan domain leksikal yang berwibawa, struktur dan susunan leksem penerang mudah dalam acuan nama biasa haiwan bahasa Melayu telah dirumuskan mengikut domain leksikal. Hasil

dapatan daripada perumusan yang dilakukan mendapati bahawa terdapat 566 corak atau rumus susunan leksem penerang mudah mengikut domain leksikal dalam nama biasa haiwan bahasa Melayu. Secara umumnya, hasil kajian tentang leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus ini dapat menjadi rujukan dan panduan yang baik khususnya kepada para penyelidik dalam bidang zoologi, penterjemah, pakar peristilahan, pakar komputer dan pakar konservasi serta pencinta alam dalam mencari penyelesaian yang terbaik untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pemahaman dan perancangan nama biasa haiwan.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

MODIFIER LEXEMES IN ANIMALS NAME BASED ON LEXICAL DOMAINS

By

MUHAMMAD NASRI BIN RIFIN

April 2017

Chairman : Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The original meaning contained in an animals common name become increasingly blurred and difficult to understand. Efforts to define common use of the word or lexeme in the common name of the animal also is very difficult. At the same time, common name of the animal does not have a set of rules or standard formula. This make the efforts on standardize common names of animals also is very difficult to do. Therefore, based on this issue, a study was designed with the specific purpose in classifying modifier lexemes in the common name of the animal according to the lexical domain based on the corpus; analyze the frequency of modifier lexemes in the common name of the animal according to the lexical domain based on the corpus; and formulate the arrangement of modifier lexemes in the common name of the animal according to the lexical domain based on the corpus. In order to achieve these three objectives, a total of 4960 simple modifier lexemes in the Malay animals common name blocks was collected in the Simple Modifier Lexemes Database (LPM). In reliance on Funtional-Lexematic model, basic corpus based approach, corpus-based approach and application of coding method, modifier lexemes in the Simple Modifier Lexemes Database (LPM) has been classified according to lexical domains. The results of the classification showed that the modifier lexemes in the Malay animals common name blocks can be classified and categorized according to 105 lexical domains. Then, in reliance on the basic corpus based approach, the use of WordSmith 5.0 software and application of descriptive statistics methods, the frequency of modifier lexemes in the animals common name blocks have been analyzed by the lexical domain. The results of the analysis showed that in the animals common name blocks, the distribution frequency of simple modifier lexeme for the whole lexical domain is 4960; the variation frequency of simple modifier lexeme for the entire lexical domain is 1125; and all the frequency of simple modifier lexemes in all lexical domain showed the positive values. Finally, in reliance on the basic corpus based approach, corpus-driven approach and a list of domain lexical that have ability in classifying lexemes, the structure and arrangement of simple modifier lexemes in Malay animals common names has been formulated according to the lexical domain. The results of the formulation was found that there are 566

arrangement patterns or formulas of simple modifier lexemes in Malay animals common names. In general, the findings of this research can be a reference and a good guide especially for researchers in zoology, translator, specialist in terminology, computer scientists, conservationists and nature lovers in search of best solutions to solve the problems related to understanding and planning of animals common names.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, syukur kepada Allah dengan rahmatnya diberikan kesihatan dan dipermudahkan segala urusan sepanjang menyempurnakan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diberikan buat penyelia, Profesor Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin dan Dr. Hasnah binti Mohamad atas segala ilmu, pandangan dan pendapat yang telah diberikan. Ternyata banyak ilmu dan pengalaman baharu yang diperoleh sepanjang berada di bawah penyeliaan kedua-duanya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pakar yang sudi meluangkan masa dalam memberikan maklumat spesifik dan jaringan perhubungan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat yang diperlukan untuk kajian. Penghormatan yang tinggi juga diberikan atas keterujaan yang dipamerkan oleh pakar ini meskipun data yang perlu diterangkan sangat banyak dan mengambil tempoh masa yang sangat lama.

Penghargaan teristimewa ditujukan buat bonda dan ayahanda tercinta, Jamilah binti Jalil dan Rifin bin Ani, abang dan adik, Nasir, Nurkiasah dan Nurzafeerah yang sentiasa memberikan semangat dan dorongan saat diri ini terasa ingin mengalah dalam perjuangan. Terima kasih juga diucapkan kerana sentiasa mendoakan kejayaan dan sanggup bersusah payah dalam memberikan pelbagai kemudahan kepada diri ini.

Tidak lupa juga kepada seorang teman, terima kasih diucapkan kerana sentiasa bersama-sama dalam perjuangan ini. Seterusnya, terima kasih diucapkan juga kepada rakan seperjuangan, saudara-saudara yang juga banyak membantu dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses melaksanakan kajian dan penulisan tesis ini.

Segala jasa dan sumbangan yang dicurahkan oleh kalian, hanya Allah S.W.T. sahaja yang mampu membalasnya. Insya-Allah, segala ilmu yang diperoleh akan sentiasa dipraktikkan dan segala kenangan pahit manis sepanjang menyempurnakan tesis ini akan sentiasa tersemat dalam sanubari.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi : _____
Jawatankuasa Penyeliaan : Raja Masittah Binti Raja Ariffin, PhD

Tandatangan : _____
Nama Ahli : _____
Jawatankuasa Penyeliaan : Hasnah Binti Mohamad, PhD

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Latar belakang kajian	1
1.2	Pernyataan masalah	5
1.3	Persoalan kajian	6
1.4	Objektif kajian	7
1.5	Kepentingan kajian	7
1.6	Skop kajian	9
1.7	Definisi operasional	11
1.7.1	Leksem penerang	11
1.7.2	Nama biasa haiwan	11
1.7.3	Domain leksikal	11
1.7.4	Korpus	12
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	13
2.2	Kajian tentang nama biasa dan nama haiwan	13
2.3	Kajian tentang leksem mengikut domain leksikal dan kewibawaan domain leksikal	16
2.4	Kajian lain yang berkaitan	19
2.5	Perkaitan kajian lepas dengan kajian ini	21
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka bentuk kajian	28
3.2.1	Kerangka teori	28
3.2.1.1	Model <i>Functional-Lexematic</i>	28
3.2.1.2	Pendekatan berasaskan korpus (Asas)	31
3.2.1.3	Pendekatan <i>Corpus-based</i>	33
3.2.1.4	Pendekatan <i>Corpus-driven</i>	34
3.2.2	Kaedah kajian	35
3.2.2.1	Kaedah pengekodan	35
3.2.2.2	Kaedah statistik deskriptif	35

3.2.3	Instrumen kajian	36
3.2.3.1	Koleksi bahan dalam korpus	36
3.2.3.2	Pakar rujuk	36
3.2.3.3	Perisian	36
3.2.4	Tatacara pengumpulan dan pemilihan data	38
3.2.4.1	Proses pemilihan nama biasa haiwan	38
3.2.4.2	Proses segmentasi nama dan pemilihan leksem penerang mudah	40
3.2.5	Tatacara penganalisan data	42
3.3	Kerangka konseptual kajian	46
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	47
4.2	Pengelasan leksem penerang mudah dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus	47
4.3	Kekerapan leksem penerang mudah dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus	67
4.3.1	Kekerapan taburan leksem penerang mudah	72
4.3.2	Kekerapan variasi leksem penerang mudah	74
4.3.3	Purata kekerapan taburan leksem penerang mudah per variasi leksem	76
4.4	Rumusan susunan leksem penerang mudah dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus	78
4.4.1	Rumus susunan ‘satu penerang mudah yang menerangkan teras mudah’	78
4.4.2	Rumus susunan ‘satu penerang mudah yang menerangkan teras kompleks’	81
4.4.3	Rumus susunan ‘satu penerang mudah yang menerangkan teras mudah sambil diikuti dengan penerang kompleks’	82
4.4.4	Rumus susunan ‘satu penerang mudah yang menerangkan teras mudah selepas penerang kompleks’	83
4.4.5	Rumus susunan ‘satu penerang mudah yang menerangkan teras kompleks selepas penerang kompleks’	84
4.4.6	Rumus susunan ‘satu penerang mudah yang menerangkan teras mudah yang diikuti dengan kata hubung ‘dan’ dan penerang kompleks’	84
4.4.7	Rumus susunan ‘dua penerang mudah yang menerangkan teras mudah’	84
4.4.8	Rumus susunan ‘dua penerang mudah yang menerangkan teras mudah diikuti dengan penerang kompleks’	90

4.4.9	Rumus susunan ‘dua penerang mudah yang menerangkan teras mudah diselangi oleh penerang kompleks’	91
4.4.10	Rumus susunan ‘dua penerang mudah yang menerangkan teras mudah diselangi oleh kata hubung ‘dan’	91
4.4.11	Rumus susunan ‘tiga penerang mudah yang menerangkan teras mudah’	91
4.4.12	Rumus susunan ‘tiga penerang mudah yang menerangkan teras mudah sambil diikuti dengan penerang kompleks’	93
4.4.13	Rumus susunan ‘empat penerang mudah yang menerangkan teras mudah’	93
4.5	Implikasi dapatan kajian	94
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Rumusan	95
5.2	Cadangan	97
	BIBLIOGRAFI	100
	LAMPIRAN	112
	BIODATA PELAJAR	132
	SENARAI PENERBITAN	133

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Penentuan ahli domain leksikal berdasarkan genus.	31
3.2	Domain atau kod dengan genus masing-masing.	42
3.3	Penanda dalam rumus berserta deskripsi.	44
4.1	Leksem penerang mudah dan contoh mengikut genus dan domain leksikal.	48
4.2	Kekerapan leksem penerang dalam nama biasa haiwan.	68

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1.1	Struktur dan pecahan struktur yang terdapat pada nama biasa.	22
2.1.2	Ruang atau had setiap segmen yang akan ditandai atau dipetakan.	23
2.2.1	Rangka kerja penghasilan rumus dalam kajian Lei Shi et. al.	26
2.2.2	Penyesuaian rangka kerja penghasilan rumus kajian lepas dengan rangka kerja kajian yang dijalankan.	27
3.1	Penyingkiran ulangan nama biasa.	39
3.2.1	Pengguguran leksem atau penanda <i>life form</i> 'burung'.	39
3.2.2	Pengguguran leksem atau penanda <i>life form</i> 'ikan'.	40
3.3	Kerangka konseptual kajian.	46
4.1	Kekerapan taburan leksem penerang mudah dalam acuan nama biasa haiwan yang tertinggi mengikut domain leksikal.	72
4.2	Kekerapan variasi leksem penerang mudah dalam acuan nama biasa haiwan yang tertinggi mengikut domain leksikal.	74
4.3	Purata tertinggi kekerapan leksem penerang mudah per variasi mengikut domain leksikal dalam acuan nama biasa haiwan.	76

SENARAI SINGKATAN

PDU	Pangkalan Data Utama
LPM	Leksem penerang mudah
DL	Domain leksika
y	Spesifikasi domain leksikal / domain leksikal khusus
x	Leksem penerang mudah / taburan leksem
V	Variasi leksem
f	Frekuensi / kekerapan
$f(x)$	Kekerapan taburan leksem
$f(V)$	Kekerapan variasi leksem
$f(x)/f(V)$	Purata kekerapan taburan leksem per variasi
TM	Teras mudah
TK	Teras kompleks
PK	Penerang kompleks
PMmD:	Penerang mudah yang mewakili domain leksikal:
JP	Jabatan Perikanan
DOF	<i>Department of Fisheries</i>
UPB	Unit Penyelidikan Burung
JPHM	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Perhilitan	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara
DPPSP	Departemen Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Perikanan Maritim

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang kajian

Kajian tentang leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus ini merupakan satu kajian dalam bidang linguistik korpus. Linguistik korpus merupakan kajian tentang bahasa yang digambarkan oleh korpus atau teks sebenar (Agapova, 2014). Dalam erti kata lain, menurut Cantos (2012), linguistik korpus merupakan kajian tentang fenomena bahasa atau fenomena linguistik berdasarkan koleksi besar teks, iaitu korpus. Kajian ini juga dikenali sebagai kajian linguistik bersifat empirikal (Fazal Mohamed, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi, 2012). Hal ini demikian kerana kajian ini lebih meneliti data empiris dalam sesuatu korpus yang menjadi bukti kukuh sesuatu bahasa berbanding data intuisi atau teori linguistik yang tidak dapat mewakili sesuatu bahasa secara keseluruhannya dengan tepat.

Menurut Kennedy (2014), kajian linguistik korpus ini mengambil perhatian, terutamanya terhadap penerangan dan penjelasan berkaitan sifat semula jadi bahasa, penggunaan bahasa dan struktur bahasa. Dalam menerangkan dan memperjelas ketiga-tiga perkara ini, kajian linguistik korpus memerlukan analisis kualitatif dan analisis kuantitatif. Menurut Richard Xiao (2009), dalam kajian korpus linguistik, analisis kualitatif dan analisis kuantitatif adalah sama penting.

Analisis kualitatif diperlukan untuk membuat tafsiran terhadap fungsi bagi setiap set ciri linguistik yang wujud (Biber, 2009). Dalam kajian korpus linguistik, tafsiran ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang kelas, domain, atau kategori tertentu yang dapat menerangkan dan menjelaskan tentang kumpulan sifat semula jadi bahasa. Selain itu, tafsiran ini juga dapat menerangkan dan memperjelas tentang variasi penggunaan bahasa dan kepelbagaian struktur bahasa.

Sementara itu, analisis kuantitatif pula diperlukan untuk menyediakan satu ukuran sejauh mana setiap corak atau pola mempunyai taburan penggunaan yang saling berbeza (Biber & Jones, 2009). Dalam kajian korpus linguistik, ukuran ini dapat menerangkan dan menjelaskan tahap signifikan bagi setiap satu sifat semula jadi sesuatu bahasa. Pada masa yang sama, ukuran yang diperoleh daripada analisis kuantitatif ini juga dapat menerangkan dan memperjelas frekuensi atau kekerapan penggunaan bahasa dan tahap kewibawaan serta keutuhan struktur tertentu dalam sesuatu bahasa.

Bidang kajian berdasarkan korpus ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu bahasa. Sehubungan itu, dalam menyelesaikan masalah berkaitan pemahaman terhadap komponen dalam sesuatu bahasa khususnya pemahaman terhadap nama biasa dalam bahasa Melayu, kajian korpus ini perlu digunakan sebagai jalan penyelesaian yang lebih diutamakan berbanding kajian yang hanya berdasarkan pada teori atau model yang terbit daripada data intuiti.

Nama biasa ialah nama yang digunakan untuk merujuk dan mengenalpasti sesuatu organisma (Dreistadt, Clark dan Flint, 2004). Nama biasa juga dikenali sebagai nama tempatan, nama masyarakat dan nama harian. Dalam bahasa Inggeris nama biasa lebih dikenali sebagai *common name*.

Meskipun nama biasa membolehkan seseorang merujuk dan mengenal pasti sesuatu organisma, namun terdapat beberapa pihak berpendapat bahawa penggunaan nama biasa tidak wajar diutamakan sebagaimana penggunaan nama saintifik. Hal ini kerana, menurut Gurcharan (2016) dan Holley (2015), satu nama biasa berkemungkinan digunakan untuk merujuk beberapa spesies, beberapa nama biasa yang berbeza digunakan untuk merujuk satu spesies yang sama dan nama biasa tidak bersifat universal. Tambahan pula, menurut Holley (2015), nama biasa yang diterjemahkan seringkali kurang tepat serta kurang mempunyai nilai dalam bahasa sumber. Ciri yang ada pada nama biasa ini dapat menyebabkan kekeliruan kepada penggunaanya.

Walau bagaimanapun dari sudut pandangan yang lain, ada pihak lain yang menyedari dan mengakui bahawa penggunaan nama biasa juga wajar diutamakan. Hal ini kerana menurut Iversen (2012), meskipun nama saintifik telah digunakan sejak kira-kira 200 tahun yang lalu, namun sejarah penggunaan nama biasa adalah lebih lampau dan lebih tua daripada sejarah penggunaan nama saintifik. Bukan itu sahaja, malah nama biasa yang pernah digunakan ini masih kekal dan dipraktikkan sehingga ke hari ini. Seperti yang dinyatakan oleh Smith dan Heemstra (2012), hampir semua senarai nama biasa yang pernah dicatatkan masih kekal strukturnya sehingga hari ini, sedangkan nama saintifik yang disenaraikan pada peringkat awal kebanyakannya sudah usang, ada yang sudah diubah dan ada yang tidak sesuai digunakan lagi.

Selain itu, nama biasa juga lebih mudah difahami oleh masyarakat (Gibb, 2014). Pada masa yang sama, nama biasa lebih akrab dengan khalayak umum, lebih mudah digunakan, lebih menyeronokkan dan mempunyai keunikan tersendiri berbanding nama saintifik (Homoya dan Jackson, 2012). Kelebihan ini banyak memberikan manfaat dan keselesaan kepada golongan bukan pakar dan khalayak umum. Maka, tidak hairanlah mereka lebih mengutamakan penggunaan nama biasa dan jarang menggunakan nama saintifik (Gibb, 2014).

Kelebihan yang ada pada nama biasa ini cukup menunjukkan bahawa penggunaan nama biasa masih wajar diutamakan, terutamanya untuk keperluan masyarakat

umum. Bahkan menurut Nowick (2014), apabila masyarakat semakin jauh daripada pengetahuan sains, penggunaan nama biasa akan menjadi satu keperluan. Hal ini kerana nama saintifik tidak dapat memainkan peranan yang baik sebagaimana nama biasa.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan masyarakat mendapat lebih banyak kelebihan dan tidak mendapat masalah ketika menggunakan nama biasa, nama biasa ini perlulah diselaraskan dan diseragamkan (Skelton, 2001). Sehubungan itu, sebelum nama biasa haiwan diselaraskan atau diseragamkan, kajian yang terperinci khususnya berkaitan dengan leksem penerang yang terkandung dalam nama biasa haiwan perlulah dilakukan. Hal ini supaya panduan yang penting dapat diwujudkan dan digunakan untuk memastikan kerja-kerja penyelarasan dan penyeragaman nama biasa haiwan dapat dilakukan dengan mudah, cepat dan hasilnya berkualiti tinggi.

Leksem penerang ialah kata atau leksem yang dapat memberikan ulasan dan tambahan makna kepada sesuatu kata (McKinney, 2006). Penerang dalam bentuk leksem atau leksem penerang ini dapat wujud dalam frasa nama. Dalam frasa nama, leksem penerang ini lazimnya akan bergabung dengan satu kata atau beberapa kata yang menjadi inti atau kepala dalam frasa tersebut.

Dalam frasa nama, leksem penerang ini mempunyai dua fungsi utama, iaitu berfungsi sebagai pengelasan dan pendeskripsi (Fontaine, 2012). Penerang pengelasan mempunyai peranan dalam mengelaskan perkara yang dirujuk kepada subset yang merupakan ahli bagi sesuatu set superordinat (Halliday, 1994). Misalnya, leksem penerang 'cina', 'batu' dan 'kendi' berperanan dalam mengelaskan 'bangau' kepada spesies atau jenis 'bangau cina', 'bangau batu' dan 'bangau kendi' yang merupakan subset atau ahli bagi kumpulan bangau.

Seterusnya, penerang pendeskripsi pula mempunyai peranan dalam memberikan huraian dan deskripsi berkaitan perkara yang dirujuk (Halliday, 1994). Leksem penerang ini dapat dibahagikan kepada dua jenis. Jenis yang pertama ialah leksem penerang yang memberikan huraian dan deskripsi secara terus. Misalnya, leksem penerang 'merah' dalam frasa nama 'tilapia merah' memberikan huraian dan deskripsi yang secara terus dan jelas bahawa 'tilapia' yang dirujuk berwarna merah. Jenis yang kedua pula ialah leksem penerang yang memberikan huraian dan deskripsi menerusi analogi. Misalnya, leksem penerang 'emas' dalam frasa nama 'punai emas' memberikan huraian dan deskripsi menerusi analogi yang dapat menerangkan bahawa 'punai' yang dirujuk mempunyai warna seperti logam emas.

Dalam konteks penjenisan pula, menurut Asmah Haji Omar (2015) menerusi *Nahu Melayu Mutakhir*, leksem penerang yang terdapat dalam frasa nama bahasa Melayu dapat terdiri daripada empat jenis, iaitu kata nama, kata ganti nama, kata kerja dan kata sifat. Sementara itu, menurut Nik Safiah et. al. (2011) menerusi *Tatabahasa*

Dewan, penerang yang terdapat dalam frasa nama bahasa Melayu terbahagi kepada dua jenis, iaitu penerang nama dan penerang bukan nama.

Penerang nama ini terdiri daripada 13 jenis, iaitu penerang nama keturunan, penerang nama jenis, penerang nama penyambut, penerang nama kegunaan, penerang nama kelamin, penerang nama tempat, penerang nama arah, penerang nama anggota badan, penerang nama tenaga penggerak, penerang nama hal atau perkara, penerang nama milik, penerang nama khas dan penerang nama panggilan atau gelaran (Nik Safiah et. al. 2011). Semua jenis penerang nama ini wujud dalam bentuk leksem. Sementara itu, jenis penerang bukan nama pula terdiri daripada penerang penentu, penerang kata kerja atau akar kata kerja, penerang kata adjektif, penerang frasa sendi nama dan penerang bilangan ordinar (Nik Safiah et. al., 2011). Antara penerang ini, hanya penerang kata kerja atau akar kata kerja, penerang kata adjektif, penerang bilangan ordinar dan sebahagian penerang penentu sahaja hadir dalam bentuk leksem.

Jelasnya, leksem penerang dalam frasa nama ini mempunyai klasifikasi tertentu yang dapat menerangkan tentang fungsi dan jenis leksem penerang. Klasifikasi yang dapat menerangkan tentang fungsi dan jenis leksem penerang ini dapat membantu pengguna memahami makna yang terkandung dalam leksem tersebut. Walau bagaimanapun, klasifikasi yang sedia ada ini masih belum cukup untuk membantu pengguna memahami makna tersebut secara spesifik. Hal ini kerana klasifikasi leksem penerang ini masih kurang terperinci, terutamanya dalam konteks leksem penerang dalam frasa nama biasa haiwan bahasa Melayu. Oleh itu, kajian tentang leksem penerang dan klasifikasi leksem penerang dalam nama biasa haiwan ini perlu diperluas dan dipergiat lagi berdasarkan domain leksikal yang lebih spesifik.

Domain leksikal ialah set atau koleksi leksem yang bersama-sama merangkumi semua atau sebahagian daripada sesuatu domain konseptual (Faber dan Usón, 1999). Dalam kata lain, domain leksikal ialah sekumpulan item leksikal yang memiliki dan berkongsi satu komponen konseptual (Thelen, 2010). Jelasnya, leksem yang menjadi ahli dalam sesuatu domain leksikal ini memiliki komponen konsep, iaitu asas konsep atau nukleus makna yang sama.

Asas konsep atau nukleus makna ini juga dikenali sebagai genus. Menurut Faber dan Usón (1999), genus ini terdapat dalam definisi bagi setiap leksem dan berfungsi dalam menandakan batasan semantik yang dirangkumi oleh sesuatu domain leksikal. Oleh itu, dengan berpandukan genus ini, domain leksikal dan keahlian bagi sesuatu leksem dapat ditentukan.

Sehubungan itu, sesuatu domain leksikal dapat menghimpunkan sekumpulan leksem sinonim tertentu. Hal ini demikian kerana leksem sinonim ialah leksem berbeza yang memiliki makna rujukan yang sama (Tagliamonte, 2011). Makna rujukan yang sama dimiliki ini menunjukkan bahawa leksem ini mempunyai asas konsep yang sama dan genus yang sama. Misalnya, leksem ‘jinjing’, ‘kelek’, ‘sandang’ dan ‘junjung’ ialah leksem sinonim yang mempunyai genus ‘bawa’ atau ‘membawa’ yang sama dalam

definisi masing-masing. Persamaan ini jelas menunjukkan bahawa leksem sinonim ini dapat dihimpunkan dalam satu domain leksikal.

Selain itu, sesuatu domain leksikal dapat menghimpunkan sekumpulan leksem hiponim tertentu. Hal ini kerana leksem hiponim ialah leksem berbeza yang memiliki makna yang terdapat dalam satu istilah yang lebih umum (Jaszczolt, 2002). Makna yang dimiliki oleh leksem hiponim ini menunjukkan bahawa leksem ini mempunyai asas konsep yang sama dan genus yang sama. Misalnya, leksem 'merah', 'biru', 'hijau' dan 'kuning' ialah leksem hiponim yang mempunyai asas konsep dan genus 'warna' daripada istilah umum yang sama dalam definisi masing-masing. Hal ini menunjukkan bahawa leksem hiponim ini dapat dihimpunkan dalam satu domain leksikal.

Sesuatu domain leksikal juga dapat menghimpunkan sekumpulan leksem meronim tertentu. Hal ini kerana leksem meronim ialah leksem yang mempunyai makna sesuatu perkara yang merupakan sebahagian daripada sesuatu perkara yang lain (Scott-Kilvert & Parini, 2008). Makna yang dimiliki oleh leksem meronim ini menunjukkan bahawa leksem ini mempunyai asas konsep yang sama dan genus yang sama. Misalnya, leksem 'dahan', 'ranting', 'daun' dan 'bunga' ialah leksem meronim yang mempunyai asas konsep dan genus 'bahagian pokok' yang sama dalam definisi masing-masing. Jelasnya, leksem meronim ini juga dapat dihimpunkan dalam satu domain leksikal.

Secara keseluruhannya, sesuatu domain leksikal dapat menghimpunkan sekumpulan leksem yang mengandungi asas konsep, teras makna atau genus yang sama. Domain leksikal ini juga dapat merangkumi dan menunjukkan sempadan makna. Oleh itu, dalam sesuatu kajian bahasa yang empirikal khususnya dalam kajian leksem penerang mudah dalam nama biasa haiwan berdasarkan korpus, domain leksikal ini dapat memainkan peranan yang penting dalam menunjukkan kelas atau kategori leksem yang terdapat dalam nama biasa haiwan berdasarkan sempadan makna yang tertentu.

1.2 Pernyataan masalah

Makna asal yang terkandung dalam sesuatu nama menjadi semakin kabur dan sukar untuk difahami (Trask, 2010). Hal ini sudah semestinya menyebabkan maklumat yang terdapat dalam nama tersebut sukar untuk diperolehi. Tambahan pula, dalam beberapa abad lagi pengetahuan tentang asal usul makna sesuatu nama dapat lenyap dan dapat menjadi mustahil untuk diperolehi semula (Trask, 2010). Dalam konteks nama biasa haiwan, masalah ini dapat dikurangkan dan dibendung menerusi pelaksanaan kajian leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus. Menerusi kajian ini, masalah makna dalam nama biasa haiwan yang semakin kabur dan sukar untuk difahami dapat dikurangkan menerusi proses pengelasan leksem mengikut teras makna atau domain leksikal, sementara ancaman masalah kelenyapan pengetahuan tentang asal usul makna sesuatu nama

biasa haiwan pula dapat dikurangkan dengan kewujudan rekod kelas leksem mengikut teras makna hasil daripada kajian ini.

Menurut Hanks (2013), dalam analisis linguistik, banyak perkara yang kelihatan jelas, namun sebahagian sahaja daripada perkara tersebut adalah benar. Kesannya, usaha menentukan penggunaan yang lazim bagi perkataan atau leksem menjadi sangat sukar (Hanks, 2013). Tanpa sebuah rangka bukti yang kukuh, masalah ini dapat menjadi lebih teruk dan penentuan ini juga dapat menjadi mustahil (Hanks, 2013). Oleh itu, untuk mengatasi masalah ini khususnya dalam konteks menentukan penggunaan yang lazim bagi leksem penerang dalam nama biasa haiwan, kajian tentang leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus perlu dilakukan. Menerusi kajian ini, masalah kesukaran dalam menentukan penggunaan yang lazim bagi leksem penerang dalam nama biasa haiwan dapat dikurangkan melalui proses analisis secara kualitatif dan kuantitatif yang sistematik. Selain itu, masalah ini juga dapat dielakkan dengan penghasilan rangka bukti yang kukuh berdasarkan korpus sebenar dalam kajian ini.

Penyeragaman nama biasa haiwan sangat sukar untuk dilakukan (Iversen, 2012). Hal ini kerana usaha ini sering bertembung dengan masalah di mana nama biasa haiwan tidak mempunyai set aturan atau rumus standard yang dapat dijadikan panduan (Wilson & Carril, 2015). Masalah ini dapat dikurangkan dengan pelaksanaan kajian tentang leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus. Menerusi kajian ini, masalah set aturan atau rumus standard nama biasa haiwan yang masih tidak wujud dapat dikurangkan dengan penghasilan set aturan atau rumus yang diekstrak secara sistematik daripada susunan leksem penerang dalam nama biasa haiwan yang sedia ada. Seterusnya, masalah kesukaran dalam penyeragaman nama biasa haiwan dapat dikurangkan dengan wujudnya panduan penting, iaitu set aturan atau rumus yang dihasilkan daripada kajian ini.

1.3 Persoalan kajian

Dalam menentukan fokus dan limitasi kajian ini, tiga persoalan telah dikemukakan oleh pengkaji, iaitu:

1. apakah domain leksikal bagi leksem penerang dalam nama biasa haiwan yang dikelaskan?
2. apakah kekerapan leksem penerang dalam nama biasa haiwan untuk setiap domain leksikal?
3. apakah bentuk rumus susunan leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal?

1.4 Objektif kajian

Dalam kajian ini, tiga objektif dikemukakan untuk membina fokus dalam menjawab persoalan kajian. Objektif-objektif tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Mengelaskan leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus.
2. Menganalisis kekerapan leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus.
3. Merumuskan susunan leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus.

1.5 Kepentingan kajian

Kajian leksem penerang dalam nama biasa haiwan bahasa Melayu mengikut domain leksikal berdasarkan korpus ini penting kepada penyelidik dalam bidang zoologi, penterjemah, pakar peristilahan, pakar komputer dan pakar konservasi serta pencinta alam. Hal ini kerana dapatan kajian ini dapat memberikan banyak manfaat kepada mereka.

1.5.1 Penyelidik dalam bidang zoologi

Kajian tentang leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus ini penting bagi penyelidik dalam bidang zoologi. Hal ini kerana hasil kajian korpus ini dapat memberikan panduan dan rujukan kepada penyelidik dalam bidang zoologi tentang kelas, kekerapan dan susunan leksem penerang dalam nama biasa haiwan yang dapat menerangkan tentang teras makna, kelaziman makna dan susunan makna dalam nama biasa haiwan. Rujukan ini penting bagi penyelidik dalam bidang zoologi untuk memahami nama biasa sesuatu spesies haiwan. Menurut Mc Knight et. al. (2013), memahami nama biasa sesuatu spesies ialah kunci untuk membuka sejumlah besar maklumat tentang sesuatu spesies tersebut. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja penting sebagai rujukan untuk membantu penyelidik dalam bidang zoologi memahami nama biasa haiwan, malah kajian ini juga secara tidak langsung penting dalam membantu mereka membuka jalan untuk mendapatkan maklumat yang banyak tentang sesuatu haiwan yang bakal dikaji.

1.5.2 Para penterjemah

Kajian tentang leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus ini penting bagi para penterjemah khususnya penterjemah dalam bidang sains. Hasil kajian korpus ini dapat memberikan panduan dan rujukan kepada para penterjemah tentang kelas, kekerapan dan susunan leksem penerang dalam nama

biasa haiwan yang dapat menerangkan tentang makna rujukan, kewibawaan makna dan aturan makna dalam nama biasa haiwan. Panduan dan rujukan ini penting bagi penterjemah untuk menghasilkan terjemahan nama biasa haiwan yang baik. Menurut Zhang Jinghao (2006), terjemahan yang baik ialah terjemahan yang dapat membolehkan pembaca sasaran mendapatkan manfaat yang sama seperti dalam teks sumber. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja penting sebagai panduan dan rujukan untuk membantu penterjemah menghasilkan terjemahan nama biasa haiwan yang baik, malahan kajian ini juga penting dalam membantu mereka memastikan bahawa pembaca sasaran mendapat kelebihan, iaitu maklumat yang sama sebagaimana yang terdapat dalam nama biasa haiwan bahasa sumber.

1.5.3 Pakar peristilahan

Kajian tentang leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus ini penting bagi pakar peristilahan. Hasil kajian korpus ini dapat memberikan rujukan kepada pakar peristilahan tentang kelas, kekerapan dan susunan leksem penerang dalam nama biasa haiwan yang dapat menerangkan tentang asas konsep, tahap populariti konsep dan susunan segmen konsep dalam nama biasa haiwan. Rujukan ini dapat menjadi panduan yang penting kepada pakar peristilahan dalam menyeragamkan, menghasilkan dan membuat penilaian terhadap nama biasa haiwan. Menurut Balon (1980), satu-satunya sebab penyeragaman nama biasa dilakukan adalah untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pengguna yang menggunakan nama tersebut. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja penting sebagai rujukan dan panduan yang dapat membantu pakar peristilahan menilai, menghasilkan dan menyeragamkan nama biasa haiwan, malahan kajian ini juga secara tidak langsung penting dalam membantu mereka mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pengguna yang menggunakan nama biasa haiwan.

1.5.4 Pakar komputer

Kajian tentang leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus ini penting bagi pakar komputer. Hasil kajian korpus ini dapat memberikan panduan dan rujukan kepada mereka tentang kelas, kekerapan dan susunan leksem penerang dalam nama biasa haiwan yang dapat diolah menjadi penanda pengelasan data, skor kekerapan data berdasarkan makna dan algoritma susunan makna yang diwakili oleh leksem penerang dalam nama biasa haiwan. Panduan dan rujukan ini sangat penting bagi pakar komputer untuk membina keseluruhan sistem atau bahagian sistem dalam sesuatu perisian dan pangkalan data tertentu. Menurut Yadav (2006), perisian dan pangkalan data merupakan komponen asas yang penting dalam pembangunan sistem maklumat. Oleh itu, kajian ini bukan semata-mata penting sebagai rujukan kepada pakar perisian untuk membina sistem dalam sesuatu perisian dan pangkalan data tertentu, malah kajian ini juga penting dalam membantu mereka membangunkan sistem maklumat, terutamanya sistem maklumat yang dapat digunakan untuk menganalisis nama biasa haiwan secara automatik.

1.5.5 Pakar konservasi dan pencinta alam

Kajian tentang leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus ini penting bagi pakar konservasi dan pencinta alam. Hasil kajian korpus ini dapat memberikan panduan dan rujukan kepada mereka tentang kelas, kekerapan dan susunan leksem penerang dalam nama biasa haiwan yang dapat menerangkan tentang sumber maklumat penerang, nilai keunikan dan kedudukan maklumat dalam sesuatu nama biasa haiwan. Panduan dan rujukan ini penting bagi pakar konservasi dan pencinta alam untuk mengumpulkan maklumat berkaitan spesies haiwan. Menurut Mackay dan Thomas (2016), maklumat tentang spesies dikumpulkan supaya ia dapat digunakan untuk menggalakkan perancangan pemuliharaan dan melindungi spesies daripada terdedah kepada ancaman kepupusan. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja penting sebagai rujukan untuk membantu pakar konservasi dan pencinta alam untuk mengumpulkan maklumat berkaitan spesies haiwan, malah kajian ini juga secara tidak langsung penting dalam membantu mereka membuka jalan untuk menggalakkan perancangan pemuliharaan dan melindungi spesies daripada terdedah kepada ancaman kepupusan.

1.6 Skop kajian

Kajian leksem penerang dalam nama biasa haiwan mengikut domain leksikal berdasarkan korpus ini tertakluk kepada beberapa batasan. Batasan ini diwujudkan supaya skop kajian yang lebih spesifik dapat dihasilkan seperti berikut:

- i. Batasan leksem penerang
Dalam kajian ini, leksem penerang yang dikaji hanyalah leksem penerang mudah (*simple modifier lexeme*). Leksem penerang mudah yang diteliti dalam kajian ini hanya mempunyai hubungan terus dengan kepala (*head*) atau teras (*core*) yang menjadi perkara utama yang diterangkan dalam sesuatu nama biasa. Leksem penerang mudah yang menerangkan penerang yang lain tidak dikaji dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, leksem penerang mudah yang menerangkan kepala atau teras yang bergabung dengan penerang lain yang mantap turut diambil kira dan diteliti dalam kajian ini.
- ii. Batasan nama biasa haiwan
Dalam kajian ini, nama biasa haiwan yang dikaji ialah nama biasa yang terdiri daripada leksem sekunder (*secondary lexeme*) sahaja. Nama ini terdiri daripada dua atau lebih leksem. Nama biasa haiwan ini juga terdiri daripada nama biasa yang tidak mempunyai penanda *life-form* atau telah mengalami pengguguran penanda *life-form* seperti leksem ‘burung’ dan ‘ikan’. Pada masa yang sama, dalam kajian ini, nama biasa haiwan yang diteliti ialah nama biasa bagi haiwan yang hanya tergolong dalam kelas mamalia, amfibia, reptilia, burung dan ikan. Nama biasa ini juga merupakan

nama biasa haiwan yang mempunyai taburan di sekitar kawasan pentadbiran Malaysia dan kawasan sempadan Malaysia dengan negara lain. Selain itu, nama biasa haiwan yang diteliti dalam kajian ini merupakan nama biasa haiwan dalam bahasa Melayu sahaja. Walau bagaimanapun, leksem atau kata pinjaman daripada bahasa dan dialek lain dalam nama biasa haiwan bahasa Melayu yang sudah mantap dan berasimilasi dengan bahasa Melayu turut diambil kira dan diteliti dalam kajian ini.

iii. Batasan domain leksikal dan ahli domain

Dalam kajian ini, domain leksikal yang digunakan sebagai set atau kelas leksem penerang mudah adalah terbatas kepada domain leksikal yang disenaraikan seperti dalam Lampiran A sahaja. Domain leksikal ini merupakan domain leksikal yang dikumpulkan daripada kajian terdahulu dan telah disesuaikan semula bagi tujuan menghidupkan fungsi keseluruhan korpus. Sementara itu, ahli domain leksikal yang dikelaskan dalam kajian ini pula merupakan leksem penerang yang dikumpulkan berdasarkan genus atau teras makna yang terkandung dalam leksem tersebut. Dalam kata lain, kajian ini memberikan tumpuan dalam mengelaskan leksem berdasarkan makna asas atau makna tersurat, bukan makna konteks atau makna tersirat yang ingin disampaikan oleh leksem yang terlibat.

iv. Batasan korpus

Dalam kajian ini, korpus dihadkan pada buku, dokumen, rekod, senarai dan indeks bertulis yang disenaraikan dalam Lampiran B sahaja. Korpus ini mempunyai had kerana pengumpulan semua 100% bahan yang pernah dihasilkan atau diterbitkan adalah mustahil. Walau bagaimanapun, penyelidik telah mengumpulkan sebanyak mungkin sumber yang diperlukan untuk kajian ini sebelum membataskan saiz korpus. Sementara itu, korpus yang diteliti dan dianalisis dalam kajian ini difokuskan kepada jenis korpus tidak-bertindih atau *non-redundant corpus*. Dalam kata lain, korpus yang diteliti dan dianalisis dalam kajian ini ialah korpus pilihan yang hanya terdiri daripada senarai acuan nama biasa haiwan yang telah dikeluarkan daripada bahan yang telah dikumpulkan (seperti dalam Lampiran B). Jelasnya, dalam korpus pilihan ini, sesuatu bentuk atau struktur nama biasa diwakili oleh satu acuan nama biasa sahaja. Dalam kata lain, tiada ulangan nama biasa yang mempunyai bentuk atau struktur yang sama dalam korpus pilihan ini.

1.7 Definisi operasional

1.7.1 Leksem penerang

Menurut Eugene et. al (2003), leksem ialah unit minimum bahasa yang mempunyai tafsiran semantik dan merangkumi satu konsep budaya yang berbeza. Sementara itu, menurut Leech (2006), *modifier* atau penerang merujuk kepada satu perkataan, frasa, atau klausa yang ditambah kepada perkataan lain untuk menspesifikasikan apa yang dirujuknya dengan lebih tepat. Xanthaki (2014) pula, mengatakan bahawa penerang ialah perkataan atau kumpulan kata yang membuatkan makna kata lain lebih tepat dengan mengehadkan, membataskan atau mendeskripsi makna kata tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini, leksem penerang ditakrifkan sebagai unit minimum bahasa yang mempunyai tafsiran semantik, yang ditambah kepada kata lain untuk menspesifikasikan atau mendeskripsi apa yang dirujuknya dengan lebih tepat.

1.7.2 Nama biasa haiwan

Flint dan Dreistadt (1998) mengatakan bahawa 'nama biasa' digunakan untuk merujuk organisma. Keator, Margaret dan Steunenber (2009) pula mengatakan bahawa 'nama biasa' digunakan dalam kegiatan harian masyarakat umum. Sementara itu, menurut kamus *Concise Oxford English Dictionary* (2011) haiwan ialah organisma hidup yang biasanya dibezakan daripada tumbuhan, yang memakan bahan organik, biasanya mempunyai organ deria khusus dan sistem saraf serta dapat bertindak balas dengan pantas terhadap rangsangan. Kamus *Oxford Advanced Learner's Dictionary* (2010) pula mendefinisikan haiwan sebagai mana-mana benda hidup yang bukan tumbuhan dan manusia. Oleh itu, dalam kajian ini, nama biasa haiwan ditakrifkan sebagai nama yang sering digunakan oleh masyarakat umum untuk merujuk sesuatu organisma hidup yang bukan terdiri daripada manusia dan tumbuhan.

1.7.3 Domain leksikal

Menurut Lewandowska-Tomaszczyk dan Thelen (2010), domain leksikal ialah sesuatu yang menjadi pegangan dalam pengelasan, penstrukturan dan penyusunan lambang pemikiran yang wujud daripada pemerhatian atau pengalaman serta merupakan koleksi sebenar item leksikal. Coates (2002) pula mentakrifkan domain leksikal sebagai perbendaharaan kata yang dapat difahami. Sementara itu, Faber dan Usón (1999) pula menerangkan bahawa domain leksikal ialah set leksem yang bersama-sama menghimpunkan semua atau sebahagian daripada sesuatu domain konseptual. Oleh itu, dalam kajian ini, domain leksikal ditakrifkan sebagai koleksi leksem dan sesuatu set yang menjadi pegangan dalam pengelasan, pengelompokan dan penyusunan leksem yang sama-sama mewakili keseluruhan atau sebahagian daripada sesuatu konsep atau makna.

1.7.4 Korpus

Menurut Kilgarriff dan Grefenstette (2003), korpus ialah koleksi teks yang dipertimbangkan sebagai objek dalam kajian bahasa dan sastera. Menurut Sinclair (2005) pula, korpus ialah koleksi bahagian teks bahasa dalam bentuk elektronik yang dipilih mengikut kriteria luaran untuk mewakili sejauh mungkin bahasa atau kepelbagaian bahasa sebagai sumber data untuk penyelidikan linguistik. Oleh itu, dalam kajian ini, korpus merujuk kepada koleksi bahagian teks yang dipilih berdasarkan kriteria tertentu untuk mewakili bahasa atau kepelbagaian bahasa dan menjadi sumber data untuk penyelidikan bahasa dan linguistik.



BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman. (2004). *Field Guide to Selected Commercial Marine Fishes of Malaysian Waters*. Pulau Pinang: Fisheries Research Institute Department of Fisheries.
- Abu Khair & Azmi Ambak. (1996). *Marine Fishes & Fisheries of Malaysia and Neighbouring Countries*. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia Press.
- Abu Khair, Azmi Ambak & Muhamad Nasir. (1993). *Malay, English and Scientific Names of the Fishes of Malaysia*. Serdang: Faculty of Fisheries and Marine Science, Universiti Putra Malaysia.
- Agapova, S. (2014). On Text Linguistics. Dalam *Collected Articles of the 3rd International Linguistics Conference (Taganrog, Russia)*, edited by GT Polenova and TG Klikushina.–Newcastle upon Tyne (pp. 293-300).
- Ahmad Ali. (2010). *Ikan Yu Fosil Hidup yang Menggerunkan?*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta 716. (2014). Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Undang-Undang Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atack, K. (2006). *A Field Guide to the Fishes of Kuching Rivers Sarawak, Malaysian Borneo*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Berneo) Sdn.Bhd.
- Azizi Yahaya. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional
- Azmi Ambak, Mansor Mat Isa, Zaidi Zakaria, & Mazlan. (2010). *Fishes of Malaysia, Kuala Terengganu*: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Balon, E. K. (1980). *Charrs, salmonid fishes of the genus Salvelinus*. Hingham, Mass: Kluwer Boston.
- Battig, W. F., & Montague, W. E. (1969). Category norms for verbal items in 56 categories: A replication and extension of the Connecticut norms. *Journal of Experimental Psychology*, 80 (1969), pp. 1–46
- Biber, D., & Jones, J. K. (2009). Quantitative methods in corpus linguistics. Dalam Ludeling, A. (ed). *Corpus Linguistics: An International Handbook*. Mouton de Gruyter, pp. 987-1007.
- Biber, D. (1998). *Corpus Linguistics: Investigating Language Structure and Use*. Cambridge: Cambridge University Press

- Biber, D. (2009). Multi-dimensional approaches. Dalam Ludeling, A. (ed). *Corpus Linguistics: An International Handbook*. Mouton de Gruyter, pp. 987-1007.
- Biber, D. (2012). Corpus-Based and Corpus-driven Analyses of Language Variation and Use. *The Oxford Handbook of Linguistic Analysis*. (1-84). Diakses daripada DOI: 10.1093/oxfordhb/9780199544004.013.0008
- Bueno, S., & Megherbi, H. (2009). French categorization norms for 70 semantic categories and comparison with Van Overschelde et al.'s (2004) English norms. *Behavior research methods*, 41(4), 1018-1028.
- Cahyo Saparinto. *Panduan Lengkap Belut*. Kuala Lumpur: Nightingale Printing Sdn. Bhd.
- Cantos, P. (2012). The Use of Linguistic Corpora for the Study of Linguistic Variation and Change: Types and Computational Applications. Dalam *The handbook of historical sociolinguistics*, 99-122.
- Carolyn Yoon, Feinberg, F., Gutchess, A. H., Hedden, T., and Hiu-Ying Mary Chen, Ping Hu, Qicheng Jing, & Yao Cui. (2004). Category norms as a function of culture and age: comparisons of item responses to 105 categories by american and chinese adults. *Psychology and aging*, 19(3), 379.
- Chin Phui Kong. (1998). *Marine Food Fishes and Fisheries of Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Publications.
- Chinery, M. (2005). *Pemangsa dan Mangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coates, A. (2002). *Speech Controlled Animation*. (degree of Bsc. in Computer Science). University of York, New York.
- Cohen, P., Tapala, S., Rikio, A., Kukiti, E., Sori, F., Hilly, Z., Alexander, T. J., & Foale, S. (2014). Developing a common understanding of taxonomy for fisheries management in north Vella Lavella, Solomon Islands. *SPC Traditional Marine Resource Management and Knowledge Information Bulletin*, 33, 3-12.
- Concise Oxford English Dictionary* (Luxury ed.). (2011). Clarendon: Oxford University Press.
- Davison, G. W. H., Phillipps, K., & Alias Kamis. (1989). *Pengenalan Burung-Burung Malaysia*. Kuala Lumpur: World Wide Fund for Nature Malaysia.
- Deikumah, J. P., Konadu, V. A., & Kwafo, R. (2015). Bird naming systems by Akan people in Ghana follow scientific nomenclature with potentials for conservation monitoring. *Journal of ethnobiology and ethnomedicine*, 11(1), 75.

- DOF Malaysia. (1994). *Fishes of Kenyir*. KETENGAH: Department of Fisheries Malaysia.
- DOF Malaysia. (2009). *Valid Local Name of Malaysian Marine Fishes*. Putrajaya: Department of Fisheries Malaysia, Ministry Agriculture and Agro-based Industry Malaysia.
- DPPSP. (2008). *Panduan Mengenali Spesies Ikan Yu di Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia dan Thailand*. Kuala Terengganu: Departemen Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Perikanan Marin, Jabatan Perikanan Malaysia.
- Dreistadt, S. H., Clark, J. K., & Flint, M. L. (2004). *Pest of Landscape Trees and Shrubs: An Integrated Pest Management Guide*. UCANR Publication
- Eugene, E. L., Anderson, A., Dwight, H., Day, J., Jordan, P.C., Wingate, J. D. (2003). *Glossary of linguistic terms* [Linguistics bookshelf]. Diakses daripada: <http://www-01.sil.org/linguistics/glossaryoflinguisticterms/WhatIsALexeme.htm>
- Faber, P. B., & Usón, R. M. (1999). *Constructing a lexicon of English verbs* (Vol. 23). New York: Walter de Gruyter.
- Fazal Mohamed, Norsimah Mat Awal, & Harishon Radzi. (2012). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Lingusitik Berdasarkan Korpus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Férez, P. C. (2008). *Motion in English and Spanish: A perspective from cognitive linguistics, typology and psycholinguistics*. (Doctoral thesis). University of Murcia, Spain
- FishBase: Common name. (2016-2017).
Diakses daripada: <http://www.fishbase.org/search.php>
- Flint, M. L., & Dreistadt, S. H., (1998). *Natural enemies handbook: the illustrated guide to biological pest control* (Vol. 3386). University of California Press.
- Fontaine, L. (2012). *Analysing English Grammar: A Systemic Functional Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Forever Sabah. (2015). *Environmental Law And Policy In Sabah: From Ridge To Reef*. Volume 6: Wildlife. Kota Kinabalu: Forever Sabah
- Freire, K. M. F., & Filho, A. C. (2009). Richness of common names of Brazilian reef fishes. *Pan-American Journal of Aquatic Sciences*, 4(2), 96-145.
- Gea, T. B. (2014). Analisis Ruang Persepsi Masyarakat Nias pada Metafora dalam Amaedola. *Sasindo*, 3(4).

- Gibb, T. J. (2014). *Contemporary Insect Diagnostics*. USA: Elsevier Science.
- Glenister, A. G. (1974). *The Birds of The Malay Peninsula Singapore & Penang*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, Oxford Singapore New York.
- Gregory, R., & Sharma D. S. K. (1997). *Review of Legislation Affecting Marine and Freshwater Turtle, Terrapin and Tortoise Conservation and Management in Malaysia: Recommendations for Change*. Selangor: WWF Malaysia (Tabung Alam Malaysia).
- Grismer, L. L. (2005). *Amphibians and Reptiles of the Tioman Archipelago, Malaysia*. Kuala Lumpur: Forestry Department Peninsular Malaysia.
- Gurcharan, S. (2016). *Plant Systematics: An Intergrated Approach*. Delhi: Science Publishers. Edisi ke-3.
- Halliday, M. A. K. (1994). *An introduction to functional grammar*. New York: Hodder Education
- Hamidi, J. (2007). *Avifauna*, Kuala Lumpur: Jabatan PERHILITAN.
- Hanks, P. (2013). *Lexical Analysis: Norms and Exploitations*. Cambridge, Mass: MIT Press
- Harrison, J. (1964). *An Introduction to the Mammals of Sabah*, Kota Kinabalu: The Sabah Society.
- Harrison, J. (1966). *An Introduction to Mammals of Singapore and Malaya*, Singapore: Singapore Branch, Malayan Nature Society.
- Hole, G. (2000) *COGS: Research Methods 1 Handouts*. 1 (1). Diakses daripada: <http://users.sussex.ac.uk/~grahamh/RM1web/sthand1.pdf>
- Holley, D. (2015). *General Zoology: Investigating the Animal World*. USA: Dog Ear Publishing
- Holmes, D., & Phillipps, K. (1998). *The Birds of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, Oxford Singapore New York.
- Homoya, M. A., & Jackson, M. T. (2012). *Wildflowers and Ferns of Indiana Forest: A Field Guide*. Indiana: Indiana University Press.
- Inger, R. F., & Chin, P. K. (2002). *The Fresh-Water Fishes of North Borneo*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- Inger, R. F., & Chin, P. K. (1962). *The Fresh-Water Fishes of North Borneo*. Sabah: Chicago Natural History Museum.

- Inger, R. F., & Stuebing, R. B. (1999). *Panduan Lapangan Katak-Katak Borneo*. Sabah: Natural History Publications (Borneo) dengan kerjasama Jabatan Muzium Sabah.
- Irwan Isnain. (2008). *Penyu Perairan Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The IUCN Red List of Threatened Species. (2016-2017). Diakses daripada: <http://www.iucnredlist.org/>
- Iversen, E. S. (2012). *Living marine resources: their utilization and management*. Florida: Springer Science & Business Media
- Jaszczolt, K. (2002). *Semantics and pragmatics: Meaning in language and discourse*. Harlow: Pearson education.
- Jeyarajasingam, A. (2012). *A Field Guide to the Birds of Peninsular Malaysia and Singapore*. United States: Oxford University Press, New York.
- Ji, M., & Oakes, M. P. (2012). *Quantitative Methods in Corpus-Based Translation Studies: a practical guide to descriptive translation research*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Pub. Co.
- Johor Bahru Tourist Guides: Listing of Malaysian Birds. (2016-2017). Diakses daripada: http://www.jbtourguides.com/birds/get_birds.php?func=all
- Józwiak, P., Rewicz, T., & Pabis, K. (2015). Taxonomic etymology—in search of inspiration. *ZooKeys*, (513), 143.
- JP Malaysia. (2004). *Indeks Kesegaran Ikan Marin di Malaysia*. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia.
- JPHM. (2005). *Burung-Burung di Taman Burung Labuan (Birds in Labuan Bird Park)*. Labuan: Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia.
- Kamarruddin Ibrahim. (1984). *Kunci Bergambar Untuk Mengenal pasti Spesies-Spesies Ikan Kekek*. Pulau Pinang: Jabatan Perikanan, Kementerian Pertanian Malaysia.
- Kamus Dewan. (2008). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keator, G., & Steunenber, M. J. (2009). *California plant families: west of the Sierran crest and deserts*. University of California Press.
- Kennedy, G. (2014). *An introduction to corpus linguistics*. New York: Routledge.
- Kilgariff, A., & Grefenstette, G. (2003). Introduction to the special issue on the web as corpus. *Computational linguistics*, 29(3), 333-347.

- Kos, M. P. (2011). *Local Bird Names and Their Standard Name Equivalents*. (Doctoral Dissertation). Charles University, United Kingdom.
- Langham, N. P. E. (1977). *Pengenalan Pendek dan Pedoman Kerjalar Mengenai Haiwan Mamalia Masa di Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Leech, G. N. (2006). *A glossary of English grammar*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Lei Shi. (2014, October). Unsupervised Template Mining for Semantic Category Understanding. In *EMNLP* (pp. 799-809).
- León, M. A. L. (2015). Corpus-based Contrastive Analysis of Keywords and Collocations across Sister Specialized Subcorpora in the Maritime Transport Field. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 198, 526-534.
- Lewandowska-Tomaszczyk, B., & Thelen, M. (2010). *Meaning in translation* (Vol. 19). Peter Lang.
- Lim Boo Liat & Das I. (1999). *Turtles of Borneo and Peninsular Malaysia*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Berneo).
- Lim Boo Liat. (1981). *Ular-Ular Bisa Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Pencinta Alam dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perubatan.
- Lin, W. U. (2016). Frequencies and semantic Category Distribution of Idiom in Japanese. *Journal of the Graduate School of Letter*, 11, 75-82.
- MacKay, P., & Thomas, T. (2016). *Southern California mountains wildflowers : a field guide to wildflowers of the San Bernardino mountain range up to 5,000 feet, including San Gabriel, San Jacinto, and Big Bear regions*. Guilford, Connecticut: Falcon Guides.
- Madoc, G. C. *Burung-Burung di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara.
- Madoc, G. C. (1976). *An Introduction to Malayan Birds*. Kuala Lumpur: Reprinted Lithographically by Ari Printing Works Sdn.Bhd.
- Maguire, P., Wisniewski, E. J., & Storms, G. (2010). A corpus study of semantic patterns in compounding. *Corpus Linguistics and Linguistic Theory*, 6(1), 49-73
- Malaysia Biodiversity Information System (mybis). (2016-2017). Diakses daripada: <http://www.mybis.gov.my/one/glossary.php?>

- Mansor Mat Isa, Aznan Zainal & Syed Abdullah. (1998). *Field Guide to Important Commercial Marine Fishes of the South China Sea*. Kuala Terengganu: Marine Fishery Resources Development and Management Department, Southeast Asian Fisheries Development Center.
- Mc Knight, K. B., Rohrer J. R., Ward, K. M., and Perdrizet, W. J. (2013). *Common mosses of the Northeast and Appalachians*. Princeton: Princeton University Press
- McKinney, M. J. (2006). *Grammardog Guide to The Legend of Sleepy Hollow*. Texas: Grammardog
- Medway, L. (1969). *The Wild Mammals Malaya and offshore Islands Including Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press London.
- Medway, L. (1978). *The Wild Mammals of Malaya (Peninsular Malaysia) and Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, Oxford New York.
- Mohsin & Azmi Ambak. (1992). *Ikan Air Tawar di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohsin & Azmi Ambak. (1983). *Freshwater Fishes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Pertanian Malaysia.
- Momin Khan. (1992). *Mamalia Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Semenanjung Malaysia.
- Morse, S. J. G. (2015). *Folk Taxonomy in Anishinaabemowin: A Linguistic Approach* (Doctoral dissertation). University Of California, Santa Barbara.
- Nik Safiah, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noorul Khairien & Hasnah Mohamad. (2015). Remaja dan Penguasaan Leksikal Busana Melayu. *Jurnal Linguistik*. 19(1), 13-28.
- Nowick, E. (2014). *Historical Common Name of Great Plains Plants, with Scientific Name Index*. (Vol. 1).
- O'Neill, B. & Riedl, M. (2014). Applying Qualitative Research Methods to Narrative Knowledge Engineering. *Workshop on Computational Models of Narrative 2014*. 1-15.
- Orta, M. M. G. (2000). A functional-lexematic approach to the syntagmatic axis of the semantic dimension" Prediction" in Old English. *Cuadernos de investigación filológica*, (26), 109-124.

- Overschelde, V. J. P., Rawson, K. A., & Dunlosky, J. (2004). Category norms: An updated and expanded version of the norms. *Journal of Memory and Language*, 50(3), 289-335.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary* (8th ed.). (2010). Clarendon: Oxford University Press.
- Payne, J., Francis C.M., & Phillipps K. (1985). *Field Guide to the Mammals of Borneo*. Kota Kinabalu: The Sabah Society with World Wildlife Fund Malaysia.
- Perhilitan. (2010), Laporan Tahunan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan), Semenanjung Malaysia. (2010), Annual Report.
- Perhilitan. (Tiada Tahun). *Garis Panduan Pemeliharaan Hidupan Liar*. Diakses daripada: <http://www.wildlife.gov.my/images/document/penerbitan/GARISPANDUAN/PEMELIHARAAN%20HIDUPAN%20LIARpdf>
- Pfaffenberger, R. C., & Patterson, J. H. (1987). *Statistical Methods for Business and Economics: For Business and Economics*. Homewood: McGraw-Hill / Irwin
- Pinto, M. F., da Silva Mourão, J., & Alves, R. R. N. (2013). Ethnotaxonomical considerations and usage of Ichthyofauna in a fishing community in Ceará State, Northeast Brazil. *Journal of ethnobiology and ethnomedicine*, 9(1), 17.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2016-2017). Diakses daripada: <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Raja Masittah, Hasnah Mohamad, Che Ibrahim Salleh, & Norazlina Mohd Kiram. (2016). *Etimologi Nama Negeri di Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Richard Xiao. (2009). Theory-driven corpus research: using corpora to inform aspect theory. Dalam Ludeling, A. (ed). *Corpus Linguistics: An International Handbook*. Mouton de Gruyter, pp. 987-1007.
- Rifin Ani. (2000). *Kesahan isi, kesahan serentak, kebolehpercayaan dan analisis item Kertas Sains Peperiksaan Percubaan Selaras Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2000*. (Thesis Master) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Rosla Mustakim Mustakim. (2014). *Burung-Burung di Semenanjung Malaysia Hak Milik Kita yang Terlepas Pandang, Jilid 1*. Kuala Lumpur: Red Door to Hunt.
- Rosla Mustakim Mustakim. (2014). *Burung-Burung di Semenanjung Malaysia Hak Milik Kita yang Terlepas Pandang, Jilid 2*. Kuala Lumpur: Red Door to Hunt.

- Rosla Mustakim Mustakim. (2014). *Burung-Burung di Semenanjung Malaysia Hak Milik Kita yang Terlepas Pandang, Jilid 3*. Kuala Lumpur: Red Door to Hunt.
- Sahid Teguh Widodo, Nuraini Yussof & Hisham Dzakiria. (2010). Nama orang Jawa: Kepelbagaian unsur dan maknanya. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 28(2), 259-277.
- Saldaña, J. (2013). *The coding manual for qualitative researchers*. Los Angeles: SAGE Publications.
- Salman, H.S., Petra, Iddan & Muhamad Rizal. (2006). *Manual Pengurusan Konflik Manusia-Kera di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).
- Scott-Kilvert, I. & Parini. (2008). *British Writers Supplement 14*. New York: Charles Scribners Sons
- Seldon, D. S. & Leschen, R. A. B. (2011). Revision of the *Mecodema curvidens* species group (Coleoptera: Carabidae: Broscini). *Zootaxa* (2011), pp. 1–45
- Seldon, D., Leschen, R. A. B., Liebherr, J.K. (2012). A new species of *Mecodema* (Carabidae: Broscini) from Northland, New Zealand, with notes on a newly observed structure within the female genitalia. *New Zealand Entomol.* 35 (2012), pp. 39–50
- Sfakianaki, P. (2015). Semantic biomedical resource discovery: a Natural Language Processing framework. *BMC medical informatics and decision making*, 15(1), 77.
- Sibagu: Birds of W. Malaysia and Singapore. (2016-2017). Diakses daripada: <http://www.sibagu.com/wmalaysia/index.html>
- Sim C. H. (2002). *A Field Guide to the Fish of Tasek Bera Ramsar Site, Pahang, Malaysia*. Selangor: Wetlands International Malaysia Programme.
- Sinclair, J. (2005). Corpus and text-basic principles. Developing linguistic corpora: A guide to good practice, 1-16.
- Singnoi, U. (2011). A reflection of Thai culture in Thai plant names. *MANUSYA: Journal of Humanities*, 14(1), 79.
- Skelton, P. H. (2001). *A complete guide to the freshwater fishes of southern Africa*. South Africa. Struik Publication.
- Smith, M. M. & Heemstra, P. C. (2012). *Smiths' Sea Fishes*. USA: Springer Science & Business Media.
- Smith, R. G. (1995). *Birds of Sintok An Annotated Checklist*. Kedah: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.

- Soyolt, Galsannorbu, Yong Ping, Wunen Bayar, Guohou Liu, & Khasbagan. (2013). Wild plant folk nomenclature of the Mongol herdsmen in the Arhorchin national nature reserve, Inner Mongolia, PR China. *Journal of ethnobiology and ethnomedicine*, 9(1), 30.
- Stuebing, R. B., & Inger R. F. (1999). *A Field to the Snakes of Borneo*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- Tagliamonte, S. A. (2011). *Variationist Sociolinguistics: Change, Observation, Interpretation*. UK: John Wiley & Sons Ltd.
- Teresa, A., Neto, E. M. C., Machado, C. G., & Flores, F. M. (2014). Ethnotaxonomy of birds by the inhabitants of Pedra Branca Village, Santa Teresinha municipality, Bahia state, Brazil. *Journal of ethnobiology and ethnomedicine*, 10(1), 55.
- Teresa, O. (2003). *Birds of Frim*. Kuala Lumpur: Forest Research Institute Malaysia.
- Thelen, M. (2010). Translating figurative language revisited: Towards a framework for the interpretation of the image behind figurative language as a first step in the translation process. Dalam *Meaning in Translation*. Peter Lang.
- Tognini-Bonelli, E. (2001). *Corpus Linguistics at Work: Studies in Corpus Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Trask, R. L. (2010). *Why Do Languages Change?*. New York: Cambridge University Press.
- Tweedie, M. W. F. (1970). *Common Birds of the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Tweedie, M. W. F. (1978). *Mammals of Malaysia*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia.
- UPB Perhilitan Malaysia. (Tiada tahun). *Senarai Nama Burung di Semenanjung Malaysia dan Asia Tenggara*. Unit Penyelidikan Burung. Ibu Pejabat Perhilitan Malaysia.
- Utusan. (23 Mac 2016). Industri Patin Lonjak Ekonomi Penduduk Temerloh
- Utusan. (25 Mei 2015). Nilai Tambah Langkawi
- Van Overschelde, J. P., Rawson, K. A., & Dunlosky, J. (2004). Category norms: An updated and expanded version of the norms. *Journal of Memory and Language*, 50(3), 289-335.
- Veras, R., Collins, C., & Thorpe, J. (2014, February). On Semantic Patterns of Passwords and their Security Impact. In *NDSS*.

- Warta Kerajaan Persekutuan. (2013). Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Fi Lesen, Permit Dan Permit Khas), Pindaan 2013.
- Well D. R. (1999). The Birds of The Thai-Malay *Peninsula*. United Kingdom: Academic Press.
- Whaanga, H., Wiki Papaa, Wehib, P., & Roaa, T. (2013). The use of the Māori language in species nomenclature. *Journal of Marine and Island Cultures*, 2(2), 78-84.
- Whelpton, M., & Jordan, F. M. (2015). The semantics and morphology of household container names in Icelandic and Dutch. *Language Sciences*, 49, 67-81.
- Wild Life Protection Ordinance 1998. (1998). Laws Of Sarawak. Chapter 26.
- Wildlife Conservation Enactment 1997. (1997). Sabah Wildlife Conservation Enactment
- Wilson, J. S., & Carril, O. J. M. (2015). *The Bees in Your Backyard: A Guide to North America's Bees*. Princeton: Princeton University Press.
- Xanthaki, H. (2014). *Drafting Legislation: Art and Technology of Rules for Regulation*. Oxford: Hart Publishing.
- Xue Wei & Yulin Yuan (2012). To Construct the Interpretation Templates for the Chinese Noun Compounds Based on Semantic Classes and Qualia Structures. *Proceedings of the 26th Pacific Asia Conference on Language, Information and Computation*. 609-619.
- Yadav, D. S. (2006). *Foundation of information technology*. India: New Age International University.
- Yusri Atan, Hamdan Jaafar & Abdul Rahman (2010). *Ikan Laut Malaysia: Glosari Nama Sahih Spesies Ikan*. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- Zaini Suleiman (2013). *Arowana Ikan Hiasan Bernilai, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- Zakaria (1990). *Haiwan Mamalia di Malaysia*. Kuala lumpur: Pam Publishing (M) Sdn.Bhd.
- Zakaria (1990). *Ikan-Ikan di Perairan Malaysia*. Kuala Lumpur: Pam Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Zakaria, Puan Chong & Yeap Chin. (2008). *A Photographic Guide to Birds of Ayer Hitam Forest Reserve*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zamfirescu, O. (2013). The characteristics of the Romanian common names given to lower plants. *Agronomy Series of Scientific Research/ Lucrari Stiintifice Seria Agronomie*, 57(1).

Zhang Jinghao (2006) dalam Martha C. P. Y. (2014). *Chinese Discourses on Translation : Positions and Perspectives*. Manchester: Taylor and Francis.

Zubaid, Shahrim Senik, Davison, H., Nagata, H., & Md Dali. (1997). *Burung Sekitar Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi: Fakulti Sains Hayat, Universiti Kebangsaan Malaysia.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

LEKSEM PENERANG DALAM NAMA HAIWAN MENGIKUT DOMAIN LEKSIKAL

NAMA PELAJAR : MUHAMMAD NASRI BIN RIFIN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

☐

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

☐

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

☐

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

☐

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]